




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **118 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,115 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Kota Kinabalu dan satu (1) kes di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 266 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 48,974 orang. Pada hari ini, sejumlah 1,231 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 464 orang di hospital, 765 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 66 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau dan Beaufort berubah dari zon merah ke zon jingga manakala, daerah Telupid berubah dari zon jingga ke zon kuning. Daerah Nabawan pula berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan.

5 Daripada 118 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 75 kes (63.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 17 kes (14.4%), saringan kluster sedia ada 13 kes (11%) dan 13 kes (11%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 20.14%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah **35,398** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 24,908 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 91 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun 33 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 271 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Semporna dan Tambunan.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 101 lokasi melibatkan 16 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak **322** hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tenom	94%
2	Beluran	94%
3	Kota Marudu	94%
4	Keningau	93%
5	Semporna	93%
6	Kunak	93%
7	Kota Belud	93%
8	Kinabatangan	93%
9	Beaufort	93%
10	Sandakan	93%
11	Sipitang	93%
12	Lahad Datu	93%
13	Kudat	93%
14	Ranau	93%
15	Tawau	93%
16	Kota Kinabalu	93%
17	Tuaran	92%
18	Papar	92%
19	Penampang	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
12 Februari 2021**